

02 JAN 2003

Syed Hamid-Pulau

SINGAPURA HARUS HORMATI STATUS QUO PULAU BATU PUTEH

KUALA TERENGGANU, 2 Jan (Bernama) -- Singapura seharusnya tidak menjalankan apa-apa aktiviti di Pulau Batu Puteh ataupun mengambil apa-apa tindakan berhubung pulau itu sehingga tuntutan terhadap pulau itu diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata beliau telah menghantar memorandum kepada Singapura membantah tindakan Republik meneruskan sebarang kegiatan dan tindakan terhadap Pulau Batu Puteh pada dua hari lepas.

Beliau berkata Singapura seharusnya memahami dan menghormati status quo pulau itu bahawa selagi tuntutan bertindih itu belum selesai, Republik itu tidak seharusnya melakukan sebarang aktiviti di atas pulau berkenaan kerana ianya bukan milik Singapura.

"Pada kita dia (Singapura) tidak mempunyai hak kedaulatan lagi sehingga ia dimuktamadkan oleh mahkamah sama ada kita ataupun Singapura yang memilikinya," kata beliau.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan Singapura yang membina struktur-struktur di pulau itu dan juga menghalang bot-bot dari Malaysia mendekatinya sedangkan proses untuk membawa kes tuntutan bertindih pulau itu ke ICJ sedang diusahakan.

Syed Hamid berkata berikutan itu kerajaan akan menghantar pihak berkuasa untuk terus mengawasi dan meronda pulau berkenaan dan kawasan sekitarnya.

"Kita akan menghantar pihak berkuasa kita untuk berlegar di kawasan itu kerana itu kawasan kita..bila dah diputuskan kita akan menghormati apa juga keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa ada negara tertentu disyaki merancang jadikan Malaysia sebagai lokasi pertahanan hadapan, kata Syed Hamid ianya adalah pandangan negara terhadap realiti yang berlaku kini.

Beliau berkata Malaysia berhak menyuarakan pandangannya terhadap isu tertentu untuk menjaga kepentingan antara negara dan Asean demi mengekalkan persefahaman dan hubungan baik serantau.

"Adalah lebih bermanfaat jika kita berkerjasama dan meneruskan hubungan dua hala berasaskan persefahaman daripada menimbulkan perkara-perkara yang menimbulkan ketegangan dan merenggangkan hubungan dua hala, katanya.

Beliau berkata secara keseluruhan, Malaysia telah memainkan peranan positif dalam Asean untuk melahirkan zon keamanan, kebebasan dan berkecuali dalam rantau ini.

-- BERNAMA

MRA PR